

12 JUN 2002

MAHATHIR-RANGKA KERJA/I

RANGKA KERJA INSTITUSI MALAYSIA MASIH TEGUH, KATA MAHATHIR

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

LUXEMBOURG, 12 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sekali lagi memberi jaminan kepada ahli perniagaan Luxembourg, terutamanya jurubank dan pengurus dananya bahawa rangka kerja institusi Malaysia masih dalam keadaan baik dan lebih kukuh daripada dahulu meskipun terjejas ketika krisis kewangan 1997-1998.

Beliau berkata pelbagai usaha dijalankan oleh kerajaan untuk mengukuhkan rangka kerja institusinya bagi meningkatkan kemampuan kawal selia yang membolehkan sistem perbankan lebih bingkis dalam krisis yang sama.

Beliau menjelaskan bahawa usaha-usaha itu termasuk pembangunan rangka kerja perundangan yang lebih komprehensif, pengurusan berasaskan risiko dan amalan kawal selia, meningkatkan tadbir urus korporat serta langkah-langkah untuk menambah persaingan dan kecekapan sistem perbankan.

"Perubahan dan regulasi yang berhati-hati telah secara terus disemak dan ditingkatkan, manakala usaha untuk deregulasi sektor perbankan untuk menggalakkan persaingan dan meningkatkan kecekapan industri juga secara beransur-ansur dilaksanakan," kata Dr Mahathir dalam ucaputamanya pada mesyuarat perniagaan yang dianjurkan oleh Dewan Perniagaan Luxembourg, Persatuan Jurubank Luxembourg dan Persekutuan Usahawan Luxembourg di sini hari ini.

Beliau tiba di sini malam tadi untuk lawatan rasmi selama dua hari, yang pertama bagi perdana menteri Malaysia ke Luxembourg, negara terkecil dalam 15 anggota Kesatuan Eropah tetapi antara pusat kewangan yang tersibuk di benua Eropah.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan berkata krisis kewangan 1997 telah menyebabkan perlunya tindakan pantas dilakukan bagi menangani masalah perbankan yang bakal wujud, bagi mengawal dan memastikan keyakinan pasaran, memastikan sistem perbankan terus berfungsi dan menjalankan peranannya dalam ekonomi serta tidak mengalami kehancuran yang boleh menjejaskan masa depan pemulihan ekonomi.

Beliau berkata perbadanan Pengurusan Danaharta Nasional Bhd, agensi-agensi Danamodal Nasional Bhd dan Jawatankuasa Penyusunan Semula Hutang Korporat (CDRC) ditubuhkan sebagai sebahagian daripada strategi penyusunan institusi untuk menyelesaikan masalah hutang syarikat-syarikat besar - telah mencapai perkembangan yang ketara dalam operasi masing-masing.

Beliau berkata aktiviti-aktiviti hak pinjaman dan pengurusan Danaharta menghasilkan kejayaan menyelesaikan kira-kira 40 peratus pinjaman tidak berbayar (NPL) sektor perbankan pada kadar purata diskaun sebanyak 55 peratus.

Sehingga kini, Danaharta telah mengendalikan 99.9 peratus daripada jumlah hak pinjaman yang diperolehi dan diuruskan di bawah portfolionya dengan kadar pemulihan sebanyak 56 peratus.

Berdasarkan penyusunan perkongsian pemulihan, perdana menteri berkata Danaharta telah mengagihkan AS\$8 bilion (RM30.4 bilion) dalam bentuk tunai kepada institusi perbankan daripada usaha-usaha pemulihannya.

Beliau berkata persekitaran ekonomi yang kondusif menyediakan Danamodal dengan peluang mengambil pelaburannya dalam satu institusi perbankan di bawah program penggabungan.

Hasilnya, pada hujung 2001, jumlah yang masih belum dijelaskan bagi permodalan semula dikurangkan kepada AS\$2.1 bilion (RM7.98 bilion) daripada

jumlah AS\$7.1 bilion (RM26.98 bilion) sejak ia ditubuhkan, katanya.

Bagi CDRC, Dr Mahathir berkata agensi berkenaan sehingga kini telah menyelesaikan lebih 69 peratus daripada kes-kes yang diterima dengan hutang berjumlah AS\$37.8 bilion (RM143.64 bilion).

Beliau berkata kes yang selebihnya dijangka diselesaikan menjelang Julai tahun ini dan dengan itu, NPL sistem perbankan dijangka terus menurun.

"Yang lebih pentingnya, operasi penyusunan semula yang dijalankan bersama-sama dengan penyusunan semula hutang akan memastikan entiti syarikat yang besar terus kekal berdaya dalam jangka yang panjang," katanya.

Dr Mahathir berkata keputusan yang positif hasil daripada usaha-usaha yang diambil untuk menguruskan krisis telah menyediakan peluang untuk mempercepatkan perubahan struktur untuk menangani fragmantasi dalam sektor perbankan tempatan.

Mengambil kira tekanan globalisasi dan liberalisasi, perdana menteri menjelaskan bahawa adalah penting bagi Malaysia untuk membangunkan institusi yang kukuh dengan saiz modal besar yang mencukupi untuk menjalankan pengembangan perniagaan dan akan menyumbang kepada keseluruhan kebangkitan sektor perbankan, dengan program penggabungan 54 institusi perbankan domestik kepada 10 kumpulan perbankan.

Dr Mahathir berkata penggabungan dan proses rasionalisasi berikutan penggabungan selesai dengan kesan yang minima terhadap provisi perkhidmatan perbankan.

Beliau berkata langkah-langkah penggabungan menunjukkan peningkatan penstrukturan kepada sistem perbankan Malaysia dan memudahkan kemunculan bank teras domestik. -- BERNAMA

MFJ MKO SD NHD